

1103/2
BAHASA MELAYU / P
Kertas 2
September 2011
2 ½ jam

BAHASA MELAYU

Kertas 2

TINGKATAN 5

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat sebelah

1103/2

**Soalan 1: Rumusan
(30 markah)**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha ke arah pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan tersebut. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sebaik-baik sahaja sesi persekolahan 2011 bermula, gagasan dan rancangan transformasi pendidikan yang meliputi dasar satu murid bergiat dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan mula dilaksanakan yang dikenali sebagai Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S). Dasar ini bertujuan mengembalikan kecemerlangan sukan di sekolah di Malaysia, dan dapat meningkatkan semangat persaingan yang sihat. Selain itu aktiviti sukan juga dapat memperatkan hubungan dan meningkatkan persefahaman antara kaum, seterusnya boleh mewujudkan semangat 'esprit decorp' iaitu saling membantu antara satu sama lain.

Dari segi pelaksanaannya, Kementerian Pelajaran mengingatkan pihak pentadbir sekolah bahawa pelaksanaan dasar 1M1S mulai tahun 2011 adalah dihususkan untuk murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan. Mereka juga hendaklah wajib didaftarkan untuk mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan yang ditawarkan oleh pihak sekolah. Pihak sekolah hendaklah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik supaya dapat meningkatkan penyertaan dan membantu dalam perkembangan potensi setiap murid dalam bidang sukan. Seterusnya pihak sekolah hendaklah mengoptimalkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepekaran yang sedia ada di sekolah. Selain itu pihak sekolah perlu memastikan kawasan persekitaran sekolah mestilah kondusif dengan mengutamakan keselamatan murid.

Perkara lain yang diambil kira ialah pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan di sekolah. Selain itu, pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun. Menurut Menteri Pelajaran, pelajar yang terlibat dalam 1M1S akan diberi bantuan pakaian. Walau bagaimanapun bantuan pakaian itu akan dimulakan di peringkat sekolah rendah terlebih dahulu. Bagi melancarkan perjalanan sukan di sekolah kerajaan perlu menubuhkan bahagian sukan secara berasingan serta memasukkan elemen sukan dalam Standard Kualiti Kementerian Pelajaran Malaysia. Sehubungan dengan itu, lima Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah dikenal pasti bagi melatih guru-guru sukan.

Dasar mengembalikan sukan di sekolah-sekolah bukanlah satu perkara yang baharu, tetapi hanya untuk meneruskan dasar yang telah dilakukan dahulu. Di samping itu dasar tersebut juga bertujuan membawa balik budaya yang telah dilupakan akibat penekanan yang keterlaluan terhadap pencapaian akademik sehingga mengabaikan pencapaian dalam bidang sukan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan'
Oleh Haji Samat Bin Buang
Fokus SPM, Februari 2011)

[Lihat sebelah

1103/2

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) **Apakah maksud rangkai kata *perkembangan potensi*. [2 markah]**

- (ii) **Apakah tujuan Dasar 1Murid 1Sukan diperkenalkan pada tahun 2011? [3 markah]**

- (iii) **Pada pendapat anda, apakah kepentingan bersukan kepada para pelajar?
Kemukakan tiga kepentingan bersukan. [4 markah]**

1103/2

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku masih ingat waktu itu ibu pun mengamuk juga. Dia marah sangat kepada Ceper sampai menyumpah-nyumpah kerana habis padi buntingnya mati lemas. Ibu menjerit pada bapa yang sejak pagi meninggalkan rumah untuk naik ke bukit berdenak ketitir.

Sebelum itu ibu tidak pernah berleter apa-apa, malah ibu bagai takut pada bapa yang telah menjadi kaki burung ketitir itu hingga semua hal rumah dan keluarga dierahkan bulet-bulat kepada ibu. Tetapi siang itu, sebelum bapa melangkah pergi bersama-sama denak rajanya, ibu menjerit. Nyaring betul suara ibu.

"Orang tak sadar diri. Tak tahu tanggungjawab. Air beh habis bunuh padi kita, awak masih cangkuih ketitir. Suami apa macam nil"

Mungkin suara ibu macam suara air Ceper yang memukul dan membedal tebing hingga runtuh tanah-tanah, hingga terbongkeh perdu-perdu buluh yang mengapuk tebing.

Aku masih ingat lagi. Bapa dengan mudah sangkut kembali sarang denaknya ke paku di conggeh dan terus randuk banjir masuk ke dalam petak baruh untuk menolong ibu yang bergelumang dengan air keruh dan sampah sarap. Tetapi bapa tidak boleh bust apa-apa juga. Hinbauan air Ceper kuat sangat sehingga bapa sendiri beberapa kali terdel-kial jatuh.

Ceper terus menggilu dan mengamuk juga sehingga seluruh anak buah kampung kami menjadi papa kadana tahun ini. Bapa kemudian kembali kepada ketitir juga, tetapi setiap kali bapa pulang dari rimba belantara berdenak burung, bapa pulang membawa gadung seguni dua. Tahun ini kami makan gadung itulah kerana padi habis jahanam kerana sungai Ceper betul-betul mengamuk.

(Dipetik daripada cerpen "Ibu dan Ceper" oleh Shahnnon Ahmad dalam antologi *Harga Remaja* Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Nyatakan perkara yang diingat oleh penulis yang terdapat dalam petikan di atas.
[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda jelaskan peranan yang boleh dilakukan oleh remaja dalam membalas jasa ibu mereka.
[3 markah]

(iii) Huraikan satu nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan satu nilai kemanusiaan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

[Lihat sebelah

1103/2

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka bertitahlah Sultan Raja Sulaiman kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara itu, "Kerana saya ini hendak minta tolong benar-benar, seboleh-bolehnya hal kesakitan saya semua orang Riau ini oleh orang Siak. Dilanggarnya, kemudian ditaruhnya di bawah perintah, kebesaran di Riau sekaliannya dibawanya pulang ke Siak, seperti bedil kerajaan Laila Majnun, serta dengan gendaga emas dan periuk emas, dan pua emas dan sekaliannya kerajaan dibawanya. Dan saudara saya perempuan dibawanya ke Siak, dirampasnya, dibuatnya bini oleh Yang Amtuan Raja Kecil, itulah ibunya Yang Amtuan Raja Bunga.

Syahadan maka menyuruh Opu Daeng yang berlima bersaudara itu, berkhabar kepada Yang Amtuan Raja Sulaiman, "Dan jika kau mahu kita berjenji betul-betul cakap, saya menolong. Inaya Allah, seboleh-bolehnya saya tolong, dengan kuasa daripada Allah Yang Amtuan Raja Sulaiman menjadi Yang Amtuan Besar.

(Dipetik daripada
Hikayat Opu Daeng Menambun,
dalam antologi *Dirgahayu Bahasa*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud kemudian ditaruhnya di bawah perintah. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga perkara yang menyebabkan Sultan Raja Sulaiman meminta pertolongan daripada Opu Daeng lima bersaudara. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Opu Daeng lima bersaudara, apakah tindakan yang akan anda lakukan setelah mendengar titah Sultan Raja Sulaiman itu? Berikan tiga cadangan. [3 markah]

[Lihat sebelah

1103/2

2(d)- Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kecek – (V)

1
seorang pengarah
membuka akaun semasanya
di sebuah bank temama
tetapi dalam diam
dia mencantumkan kemiskinan
orang lain
ke dalam amanahnya
yang telah lama pecah.

2
di kampung
seorang petani
membuka akaun kemiskinannya
di ruang kedai
dan mengunci sedozen anak-anaknya
di dalam pagar sengsara
tetapi dia tidak pernah mencantumkan
kekayaan orang lain
ke dalam getahnya
yang sudah lama
berumbi.

3
di pantai
seorang nelayan
membuka akaun sengsaranya
di rahang leut tenganga
dan mengurung sederet anak-anaknya
di bawah puseran nasib
tapi dia tidak pernah mengumpul
kesenangan orang lain
ke dalam kekusarannya
yang telah sekian musim
bertumut
di papan hidupnya.

[Lihat sebelah

1103/2

4
Tuhan tidak pernah mungkir
mencatatkan setiap angka
dan nilai hitungnya paling kecil
ke dalam akaun-Nya
di rumah keadilan.

Awang Abdullah
Antologi Dirgahayu Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Gambarkan kehidupan petani dalam rangkap kedua dalam sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara untuk meningkatkan taraf hidup petani?
Berikan tiga cadangan anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua latar masyarakat yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

1103/2

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) asal usul
- (ii) adat resam
- (iii) amal ibadat
- (iv) hak milik
- (v) atur cara
- (vi) reka bentuk

[6 markah]

- (b) *Tulis petikan di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.*

MAN : Tuk...tuk... orang jumpa mayat lagi. Orang jumpa mayat. Mayat itu besar, tuk.

PAK MAN : Di mana, Man?

MAN : Tepi pertailah, tuk. Marilah tengok mayat tu. Mari tuk.

PAK MAN : Mayat orang Melayu atau orang Cina?

MAN : Bukan, tuk.

PAK MAN : Kalau bukan, mayat siapa? India kot?

MAN : Bukantah, tuk. Ini mayat ikan dugong besar, tuk.

[6 markah]

1103/2

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kedudukan politik dan ekonomi negara merupakan elemen penting dalam usaha untuk memantap sektor pelancongan negara
- (ii) Penambah kepada alternatif sedia ada, ibu-bapa turut bergembleng tenaga memberi pendidikan secukupnya kepada anak-anak bagi mmebedung masalah itu dari akar umbi.
- (iii) Dalam menungkah arus globalisasi, manusia bertumba-tumbeaan mengejar kemewahan dunia yang tiada sempadan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Walaupun sibuk, Haenol tetap mengulang kaji pelajaran oleh kerana banyak isu yang belum dikuasainya.
- (ii) Pengedar dadah itu ditangkap oleh polis sementara dia sedang tidur di rumah temannya yang tidak tahu apa.
- (iii) Rendang itu telah dimasak oleh saya malam tadi kerana emak mentua saya akan balik ke rumah saya petang nanti.

[6 markah]

(e) *Beri maksud setiap peribahasa di bawah ini.*

- (i) Ular menyusur akar tak akan hilang bisanya.
- (ii) Nasi sudah menjadi bubur
- (iii) Seperti api di dalam sekam

[6 markah]

(Lihat sebelah

1103/2

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Afza Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) Papa ... Akhirnya Kau Tewas karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Interlok karya SN Abdullah Hussain
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Muhamad Kholid Hamzah
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua keistimewaan perwatakan watak utama.

[7 markah]

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang memaparkan persoalan kasih sayang dalam setiap novel.

[8 markah]**KERTAS SOALAN TAMAT**